




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **97 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,313 kes**. Tiada kes kematian dilaporkan hari ini.
  
- 2 Pada hari ini, seramai 95 pesakit COVID-19 telah discaj / sembahuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembahuh 51,964 orang. Sementara itu, sejumlah 686 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 248 orang di hospital, 431 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tujuh (7) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 28 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kudat dan Kunak berubah dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Pada hari ini, **satu (1) kluster** baru direkodkan.

**Kluster Kuala Punteh di daerah Keningau** mencatatkan penambahan tujuh (7) kes menjadikan jumlah kumulatif positif COVID-9 sebanyak 25 kes. Kes indeks dikesan melalui saringan pra kemasukan ke hospital di salah sebuah pusat perubatan di Keningau pada 26 Februari 2021. Hasil penelitian, kes indeks mendapat jangkitan daripada ahli keluarga serumah yang telah menghadiri Majlis Makan Malam Tahun Baharu Cina (11 Februari 2021), sambutan Chap Goh Mei (26 Februari 2021) dan berkumpul sempena menuai padi yang bermula pada 14 Februari 2021. Aktiviti saringan kontak rapat masih giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Keningau.

- 5 Daripada 97 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 49 kes (50.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala tujuh (7) kes (7.2%), saringan kluster baharu dan sedia ada 24 kes (24.8%), saringan bersasar tujuh (7) kes (7.2%) dan 10 kes (10.3%) adalah dari lain- lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil 4,995 unit
  - Hospital 738 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,767 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 490 unit.

Peratus penggunaan katil 14.74%.

## B MASA OPERASI SEKTOR EKONOMI

Bagi sektor ekonomi, Kerajaan Negeri bersetuju masa operasi bermula pada jam **6.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam** selari dengan SOP yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Orang ramai dinasihatkan agar mematuhi had masa operasi yang dibenarkan.

## C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **283,233** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 49 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 22,316 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 29 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 15 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 67 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 75 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 46 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat pada hari ini.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 481 lokasi melibatkan seramai 180 anggota APM dan 61 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Tambunan, Keningau dan Semporna.
- 5 Sejumlah 67 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 12 daerah pada hari ini. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 156 hebahan di seluruh Sabah.

**E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **94.8%**.  
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	96%
2	Kinabatangan	96%
3	Semporna	96%
4	Beluran	95.5%
5	Beaufort	95%
6	Kota Belud	95%
7	Kunak	95%
8	Tenom	95%
9	Kudat	95%
10	Tuaran	95%
11	Kota Marudu	94.5%
12	Ranau	94.5%
13	Penampang	94%
14	Kota Kinabalu	94%
15	Lahad Datu	94%
16	Papar	94%
17	Sandakan	94%
18	Keningau	93.5%
19	Tawau	93.5%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

**Sekian.**

#kitajagakita #normabaharu

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**05 Mac 2021**